



KERAJAAN MALAYSIA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KENYATAAN TAWARAN SECARA UNDIAN

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor **bumiputera** yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU) atau Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ) dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

Bil	BUTIR-BUTIR UNDIAN	BUTIR-BUTIR KELAYAKAN	TARIKH DAN WAKTU CABUTAN UNDI	TEMPAT CABUTAN UNDI	TEMPOH PENYIAPAN PROJEK
1	NAIKTARAF JALAN PERHUBUNGAN DESA (JPD) KE RH. SARANG ANAK ANGAT, ULU STEKAM, KANOWIT, SARAWAK  (No. Undi : KPLB.UN.01/2019/SWK01)				
2	NAIKTARAF JALAN PERHUBUNGAN DESA (JPD) KE RH. TEDONG ANAK ANTAL, SUNGAI BALOH, NG. BELAWIT, KANOWIT, SARAWAK  (No. Undi : KPLB.UN.02/2019/SWK02)	1. Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) Oleh CIDB - Gred G1 - Kategori CE - Pengkhususan CE01,CE21  dan;  2. (i) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) Oleh CIDB - Gred G1 - Kategori CE  ATAU;  (ii) UPKJ - Kelas F - Kepala I, Sub Kepala (1) - Kepala III, Sub Kepala 1(a), 1(b), 1(d), 1(e), 2(a) / 2(b) & 2(d)			
3	BAIKPULIH JALAN PERHUBUNGAN DESA (JPD) KE RH. MERIKAN AK NYANDANG, SUNGAI MAPAI, KANOWIT, SARAWAK  (No. Undi : KPLB.UN.03/2019/SWK03)		Tarikh: 10 Januari 2019 (Khamis)  Masa Pendaftaran: 09.00 pagi - 10.00 pagi  Masa Undian : 10.00 pagi - 10.30 pagi	Bilik Mesyuarat Sape, Pejabat KPLB Negeri Sarawak, Tingkat 2, Blok Pentadbiran, Kampus Institut Kemajuan Desa (INFRA) Cawangan Sarawak Lot 8185, Blok 26, Muara Tuang Land District 94300 Kota Samarahan, Sarawak	6 MINGGU
4	BAIKPULIH JALAN PERHUBUNGAN DESA (JPD) DI RH. ASSAY ANAK ABOL, NANGA KABAHA, KANOWIT, SARAWAK  (No. Undi : KPLB.UN.04/2019/SWK04)				
5	NAIKTARAF JALAN PERHUBUNGAN DESA (JPD) KE RH. SALLEH ANAK TEMENGONG, SUNGAI MAPAI, KANOWIT, SARAWAK  (No. Undi : KPLB.UN.05/2019/SWK05)				

**SYARAT - SYARAT MENYERTAI KERJA UNDI:-**

- 1 Kontraktor (Pemilik Syarikat yang dinamakan) **Gred G1** yang mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) ATAU Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Pendaftaran Unit Pendaftaran Kontraktor Dan Juruperunding (UPKJ) SERTA Sijil Taraf Bumiputera dari Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU) atau UPKJ yang masih berkuatkuasa tempoh pendaftarannya adalah dipelawa untuk menyertai kerja undi.
- 2 Kontraktor (Pemilik Syarikat yang dinamakan) diwajibkan membawa **ASAL dan SALINAN** (Salinan sijil tidak akan dikembalikan) dokumen-dokumen seperti dibawah untuk diserahkan semasa sesi pendaftaran;
  - a) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)
  - b) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) ATAU Sijil Pendaftaran Unit Pendaftaran Kontraktor Dan Juruperunding (UPKJ)
  - c) Sijil Taraf Bumiputera dari Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU) ATAU UPKJ
  - d) Kad Pengenalan
- 3 **HANYA PENAMA** yang tercatat di dalam sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juru Perunding Sarawak (UPKJ), Sijil Aakuan Pendaftaran Syarikat sahaja **YANG DIBENARKAN UNTUK MENYERTAI SESI CABUT UNDI INI.**
- 4 Kontraktor / Syarikat **TIDAK DIBENARKAN** mewakili pegawai selain daripada penama dalam PPK / SPKK / UPKJ / Sijil Aakuan Pendaftaran Syarikat selaras dengan arahan Perolehan Kerajaan di 1PP / PK2 / 2013.
- 5 Kontraktor **TIDAK DIBENARKAN** mengemukakan surat "Kebenaran Khas Menyertai Tender Di Luar Bidang Pengkhususan" yang dikeluarkan oleh **Pejabat CIDB DAN** Surat kebenaran khas menyertai tender bagi Gred yang lebih tinggi/rendah adalah **TIDAK DITERIMA.**
- 6 Kegagalan mematuhi arahan ini mengakibatkan pihak tuan **TIDAK DIBENARKAN** menyertai kerja undi ini.
- 7 Kontraktor yang menyertai kerja undi ini hendaklah belum ditawarkan sebarang kerja oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) pada tahun 2018.